



DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi komited untuk menjayakan dasar tersebut dengan: -

1. Memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pematuhan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. Memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip "*Defence-in-Depth*" yang bertujuan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan supaya persekitaran tempat kerja yang selamat diwujudkan;
3. Memastikan kawalan dan perlindungan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang ketirisan maklumat rahsia rasmi;
4. Memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dikawal, dinilai dan dibuat penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin objektif Dasar Keselamatan ICT Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan sistem penyampaian perkhidmatan tercapai;
5. Memastikan Langkah-langkah keselamatan peribadi dipatuhi sepenuhnya supaya warga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai kesedaran untuk melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan; dan
6. Memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan yang holistik bagi mengekalkan ketersediaan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*) dan fungsi normal segera dibaik pulih dalam tempoh masa yang ditetapkan

.....
DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

TARIKH : 13 DISEMBER 2024